

70

SOALAN NO: 431

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATO' HAJAH NORMALA BINTI ABDUL  
SAMAD

SOALAN:

**Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja asing dan peratusan perbandingan antara pekerja asing dengan pekerja tempatan mengikut sektor pekerjaan.

PR-1353-T01577

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik Jabatan Imigresen Malaysia, terdapat seramai 1.73 juta pekerja asing yang dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) pada 30 September 2017.
2. Manakala, peratus perbandingan antara pekerja asing dengan pekerja tempatan mengikut sektor pekerjaan adalah seperti berikut:

<b>SEKTOR</b>	<b>PEKERJA TEMPATAN</b>	<b>%</b>	<b>PEKERJA ASING</b>	<b>%</b>	<b>JUMLAH</b>
Pembinaan	863,766	69	387,934	31	1,251,700
Perkilangan	1,741,979	73	648,621	27	2,390,600
Pertanian/Perladangan	1,167,781	73	442,119	27	1,609,900
Perkhidmatan	8,302,480	97	253,120	3	8,555,600
Lain-Lain	355,500		0		355,500
<b>JUMLAH</b>	<b>12,431,506</b>		<b>1,731,794</b>		<b>14,163,300</b>

(Sumber: ILMIA)

3. Kerajaan akan sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif dalam usaha memastikan kebergantungan industri ke atas pekerja asing terus berkurangan.

72

**SOALAN ( 432 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2017  
[ ISNIN ]**

**DARIPADA : YB. DATO' HAJAH NORMALA BINTI ABDUL  
SAMAD**

**SOALAN :-**

**YB. Dato' Hajah Normala Binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta  
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN  
TEMPATAN menyatakan jumlah warga asing yang berniaga dengan  
menggunakan lesen perniagaan penduduk tempatan serta apakah tindakan  
yang dikenakan kepada peniaga dan pemilik lesen tersebut.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengeluarkan Pekeliling Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil Oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 30 Jun 2008. Tindakan melalui Pekeliling tersebut yang perlu dilaksanakan oleh pihak PBT adalah seperti berikut:

- (i) Pengeluaran permit perniagaan kecil hanya dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sahaja;
- (ii) Pemilik permit hendaklah berada di tempat berniaga pada sepanjang masa;
- (iii) Tindakan pembatalan permit boleh diambil ke atas pemilik yang memindah permit perniagaan mereka kepada warga asing; dan

- 74
- (iv) PBT boleh menyita serta merampas barang jualan serta merta tanpa perlu mengenakan amaran terlebih dahulu bagi perniagaan tanpa lesen.

Selain itu, PBT turut terlibat dengan tindakan penguatkuasaan operasi bersepadu bersama agensi Kerajaan yang lain seperti pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APAM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan sebagainya bagi membanteras peniaga kecil warga asing ini.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017